

# 4 strategi perkukuh MIC

BH-14/5/2007

## Samy Vellu mahu ahli parti lebih komited bawa perubahan

Oleh Abdul Razak Raaff

**K**UALA LUMPUR: MIC menetapkan empat strategi bagi mengukuhkan kedudukan parti yang mewakili masyarakat India itu dan meningkatkan pembangunan sosio-ekonomi kaum itu bagi tempoh 50 tahun akan datang.

Presidennya, Datuk Seri S Samy Vellu, berkata agenda pelan tindakan membabitkan bidang politik, ekonomi, pendidikan dan sosial juga memastikan parti itu lebih komited dan menjadi pelopor utama dalam membawa perubahan kepada masyarakat India.


Dalam agenda politik, katanya, empat aktiviti akan dilaksanakan iaitu mengarahkan setiap bahagian MIC di seluruh negara mengadakan kempen pendaftaran pemilih pengundi dan lawatan rumah ke rumah.

"Pengalaman kita pada pilihan raya kecil Ijok lalu, mendapati 30 peratus penduduk India di situ masih belum mendaftar sebagai pemilih dan separuhnya orang dewasa.

"Kami yakin usaha ini akan meningkatkan lagi jumlah pengundi baru bagi setiap cawangan dan bahagian MIC," katanya ketika mengulung perbahasan sempena Perhimpunan Agung MIC Ke-61, di sini semalam.

Selain itu, katanya, semua wakil rakyat MIC juga diarahkan mengenal pasti dan segera menyelesaikan masalah masyarakat di kawasan masing-masing dan laporan terperinci perlu diserahkan kepadanya.

Beliau berkata, MIC akan mewujudkan satu biro baru di kalangan



**RAKAN SEPERJUANGAN:** Samy Vellu dan Timbalan Presiden MIC, Datuk G Palanivel berbincang pada Perhimpunan Agung MIC Ke-61 di PWTC, semalam.

Ahli Jawatankuasa Kerja Pusat sebagai persiapan menghadapi pilihan raya umum akan datang dan semua ahli majlis pihak berkuasa tempatan MIC perlu menilai semula pencapaian masing-masing dan lebih proaktif.

"Kami akan menganjurkan kursus pembangunan kepimpinan untuk 4,300 pemimpin cawangan dan bahagian yang diadakan pada hujung minggu," katanya.

Sementara itu, dalam agenda ekonomi pula, Samy Vellu berkata, parti itu akan mengenal pasti 5,000 usa-

### FAKTA NOMBOR

Pengundi baru MIC

**1,300**

Di Sungai Siput

**400**

Lain-lain kawasan

hawan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) di kalangan kaum India sebelum 2010.

Beliau berkata, pihaknya akan membuat satu kajian terperinci mengenai pencapaian ekonomi 5,000 syarikat baru atau pembesaran syarikat sedia ada berhubung pengagihan kekayaan, peningkatan tahap pendapatan dan pekerjaan.

"Kita akan mewujudkan perkongsian dan hubungan lebih efektif dengan Institut Kemajuan Keusahawanan (Inskan) dan bank," katanya.

HALIM MAZALI/BERITA HARIAN